

Meninjau Hubungan Antarabangsa dan Dasar Luar di Malaysia: Penelitian Definisi dan Pengaruh Gaya Kepimpinan Perdana Menteri (1957-2022)

(Reviewing International Relations and Foreign Policy in Malaysia: Definition and Influence of Premiership (1957-2022))

Faridah Jaafar^{1*} 

¹Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.
Email: faridahjaafar2022@gmail.com

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Faridah Jaafar
(faridahjaafar2022@gmail.com)

KATA KUNCI:

Dasar Luar Negara
Malaysia
Gaya Kepimpinan
Hubungan Antarabangsa
Politik

KEYWORDS:

Foreign Policy
Malaysia
Malaysian Premiership
International Relation
Politics

CITATION:

Faridah Jaafar. (2022). Meninjau Hubungan Antarabangsa dan Dasar Luar di Malaysia: Penelitian Definisi dan Pengaruh Gaya Kepimpinan Perdana Menteri (1957-2022). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001623.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1623>

ABSTRAK

Perbincangan akademik mengenai hubungan antarabangsa dan dasar luar sering mengundang pelbagai tafsiran dan kontroversi politik. Namun begitu, usaha untuk meningkatkan kefahaman terutamanya melalui perincian definisi topik-topik ini adalah terhad. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan kepada pengenalan konsep asas dalam hubungan antarabangsa dan dasar luar melalui dua cara iaitu; (1) membincangkan definisi dasar luar secara menyeluruh dan (2) pengaruh gaya kepimpinan perdana menteri terhadap dasar luar. Menggunakan data sekunder, tinjauan sistematik telah dijalankan berdasarkan kajian lepas yang di ekstrak daripada pangkalan data akademik dan diindeks oleh Google Scholar dari tahun 1960 hingga 2022. Berdasarkan keputusan analisis literatur, kajian ini mendapati gaya kepimpinan perdana menteri mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap dasar luar di Malaysia. Secara khususnya, setiap perdana menteri mempunyai matlamat dan perancangan yang berbeza. Meskipun perkara ini membuka ruang perbahasan mengenai penggunaan kuasa secara tidak terkawal, Malaysia masih mengekalkan hubungan yang baik dengan negara-negara lain sehingga kini. Secara teorinya, hasil kajian ini telah berjaya memberikan gambaran keseluruhan mengenai konsep asas hubungan antarabangsa dan dasar luar di Malaysia terutamanya dengan membincangkan beberapa definisi daripada sarjana terdahulu dan pengaruh setiap perdana menteri terhadap dasar luar sejak tahun 1957 hingga kini.

ABSTRACT

Academic discussions on international relations and foreign policy often invite a variety of interpretations and political controversies. However, efforts to increase understanding especially through detailed definitions of these topics are limited. Accordingly, this study focuses on the basic

concepts of international relations and foreign policy in twofold namely; (1) Discussing the definitions of foreign policy as a whole and (2) outlining the influence of the prime minister's leadership style on foreign policy. Using secondary data, a systematic review was conducted based on past studies extracted from academic databases and indexed by Google Scholar from 1960 to 2022. Based on the results of literature analysis, this study found that the premiership has a significant influence on foreign policy in Malaysia. In particular, each prime minister has different goals and plans. Although this fact has opened up space for debate on arbitrary power, Malaysia still maintain good relations with other countries to this day. Theoretically, this study have successfully provides an overview of the fundamental concepts of international relations and foreign policy in Malaysia especially by discussing a number of definitions from past scholars and reviewing each premiership influence on foreign policy since 1957 to date.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan perbincangan terkini tentang pengaruh Perdana Menteri Malaysia sejak tahun 1956 sehingga 2022. Malah, kupasan mengenai matlamat dan perancangan setiap pemimpin dalam menggubal dasar luar turut disediakan. Faktor utama yang mempengaruhi keputusan dasar luar negeri dikupas satu persatu dengan contoh-contoh keadaan semasa.

1. Pengenalan

Keputusan sesebuah kerajaan dalam usaha menjaga hubungan antarabangsa dapat dilihat melalui dasar luar yang dirangka oleh kerajaan terhadap negara-negara lain. Dalam beberapa tahun sebelum ini, dunia telah menyaksikan perselisihan diplomatik oleh 'kuasa-kuasa dunia' terutama sejak pelantikan Presiden Donald Trump dan Joe Biden di Amerika Syarikat (AS). Lonjakan isu perkauman, perbincangan krisis mengenai perdagangan bebas, isu-isu bangsa, warna kulit, dan tindak balas terhadap wabak COVID-19 di AS telah membawa kepada trend baharu kepada penyelidikan dasar kontemporari (Martin & Sinkkonen, 2022; Esa et al., 2020; Kattan, 2020). Malah, pelantikan Presiden Joe Biden yang berkuat kuasa pada Januari 2021 telah menjadikan beliau antara Presiden AS yang pertama melantik jawatan-jawatan tertinggi negara itu daripada pelbagai latar belakang etnik, orang kulit berwarna dan wanita. Peralihan pentadbiran ini menjadi titik tolak perspektif baharu dalam perubahan politik di AS yang telah merevolusikan dasar luar di negara lain juga (Martin & Sinkkonen, 2022; Esa et al., 2020; Siniver & Featherstone, 2020).

Pada masa yang sama, kesan domino yang terjadi daripada perubahan dasar Presiden Trump dan Biden di AS telah memaksa negara-negara lain bertindak balas dengan cepat dan tepat. Malah, meletakkan keadaan semasa di AS sebagai rujukan, sikap peribadi seseorang Presiden dan tindakan yang diambil tidak akan jauh terpisah dari identiti peribadinya. Namun begitu, seseorang pemimpin harus sentiasa mempertimbangkan kepentingan nasional supaya tidak mengganggu gugat hubungan dan komitmen antarabangsa yang telah dimeterai (Selamat, 2022; Erdogan & Habash, 2020; Lacatus & Meibauer, 2020). Justeru, memahami definisi sebenar dasar luar dan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan dasar luar adalah sangat penting.

Sepintas lalu, dasar luar dianggap sebagai sebahagian daripada Hubungan Antarabangsa dan umumnya ditafsirkan sebagai tindakan sesebuah kerajaan dalam memenuhi kepentingan nasional, kesan daripada keputusan pemain-pemain politik (Azlan, Ismail, & Mokhtar, 2022; As, 2018). Dalam menelusuri definisi dasar luar daripada sarjana-sarjana masa lalu, Frankel (1963) menyatakan bahawa dasar luar mengandungi dua elemen penting iaitu; Keputusan dan Tindakan. Terdapat juga kajian lepas yang mentafsirkan proses membuat keputusan untuk dirujuk sebagai Tindakan dalam strategi penentuan dasar luar (Haesebrouck & Joly, 2020). Menurut Kementerian Luar Negeri Malaysia (2019), definisi dasar luar merujuk kepada sebarang matlamat, rancangan ataupun tindakan yang diambil oleh sesebuah negara untuk berhubung dengan sesebuah negara yang lain. Dengan kata lain, komitmen dasar luar mementingkan aspek Tindakan yang diambil sebagai respons kepada keadaan-keadaan yang berlaku di sekeliling. Jelas di sini, walaupun istilah dasar luar sering kali digunakan oleh kajian lalu, skop kajian adalah masih terhad dan kurang jelas.

Sejak tahun 1960an, pengkaji dalam bidang Sains Politik sering mengutamakan topik Hubungan Antarabangsa dalam pembangunan dan perkembangan ilmu politik. Antara pengkaji utama ialah Hoffmann (1968) yang membuat percubaan untuk memberikan definisi yang lebih spesifik untuk merangkumkan dasar luar sebagai: Politik di arena antarabangsa (Carlsnaes, 1980). Kajian ini meringkaskan dasar luar sebagai matlamat atau rancangan yang dipilih oleh pemerintah untuk dilaksanakan oleh sesebuah negara, namun tidak menjelaskan mengenai siapa yang terlibat dalam politik dan jenis rancangan yang dirangka kerajaan. Sebaliknya, Rosenau (1984) pula merujuk kepada dasar luar sebagai tindakan berwibawa yang diambil oleh pemerintah atau komitmen mereka untuk memberi perintah, dalam mengekalkan aspek persekitaran antarabangsa yang diinginkan atau mengubah aspek yang tidak diinginkan. Kali ini, definisi yang lebih terperinci dicadangkan tetapi masih membingungkan para sarjana lepas mengenai aspek-aspek yang diinginkan dan tidak diinginkan.

Untuk memenuhi keperluan semasa dalam menyediakan definisi dasar luar, pakar bidang Dasar Awam dan pengkaji lepas telah menghasilkan pelbagai definisi bersesuaian dengan struktur politik dunia yang sering berubah. Ironinya, definisi ini menambahkan lebih banyak persoalan daripada jawapan yang membingungkan penyelidik (Esa et al., 2020; Haesebrouck & Joly, 2020; As, 2018). Maka, bertitik tolak daripada pemahaman asas yang utama, Dasar Luar disebut sebagai panduan untuk mengarahkan interaksi antara negara bangsa dalam memastikan kesejahteraan hubungan dan komitmen antarabangsa. Namun, implikasi penerangan dan pemahaman yang tidak tepat mengenai dasar luar boleh menyebabkan anggota negara dunia untuk beroperasi secara tidak seimbang (As, 2018).

Menggunakan input daripada kajian lepas mengenai pengaruh sikap peribadi pemerintah yang mengatasi kepentingan nasional terhadap keputusan dasar luar sesebuah negara, adalah sangat penting untuk kajian terkini untuk memperincikan faktor-faktor yang mempengaruhi proses membuat keputusan dasar luar. Oleh itu, dengan mengambil kira kepentingan dan konsep dasar luar yang kompleks, terdapat keperluan yang mendesak untuk menggariskan definisi terperinci mengenai dasar luar dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan dasar luar.

Dengan itu, susunan artikel ini adalah seperti berikut: (1) Bahagian seterusnya dikhaskan untuk tinjauan literatur yang membincangkan definisi dasar luar yang sedia

ada dan gambaran keseluruhan kajian dasar luar yang lepas, (2) Bahagian seterusnya menggariskan metodologi kajian dan langkah-langkah untuk menjalankan tinjauan literatur, (3) Kemudian, hasil perbincangan akan disediakan, dan (4) bahagian terakhir membentangkan cadangan untuk penyelidikan masa hadapan dan penutup.

2. Tinjauan Literatur

Selama lebih dari 40 tahun, penerbitan mengenai dasar luar telah berkembang daripada perbincangan konsep asas dasar luar hingga melibatkan perbahasan berkaitan demokratik, analisis dasar luar, dan sejauh mana dasar luar sebenarnya menonjolkan imej antarabangsa (Carlsnaes, 1980; Caporaso et al., 1986; Zainol, Jusop, Ridzuan, & Kamaruddin, 2019; Gusau, Abdulkadir, & Musa, 2020; Jaafar & Rahman, 2020). Berikut adalah interpretasi sarjana-sarjana lepas mengenai definisi dasar luar yang menjadi titik asas dalam perbincangan akademik sehingga kini.

2.1. Definisi Asas Dasar Luar

Frankel (1963) berpendapat bahawa ruang lingkup bagi proses membuat keputusan dasar luar adalah tidak terhad. Menurut beliau, keputusan tersebut boleh dikatakan mampu mempengaruhi sistem dunia. Dengan kata lain, penulis menekankan bahawa keputusan kerajaan yang membabitkan dasar luar bukan diputuskan oleh negara itu sendiri tetapi oleh beberapa pihak sama ada individu atau kumpulan individu yang mewakili sesebuah negara. Secara amnya, individu atau kumpulan individu ini adalah mereka yang memegang jawatan rasmi dan termaktub dalam perlembagaan, undang-undang atau sistem pentadbiran yang sah. Maka, suatu keputusan sesebuah negara mempengaruhi negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung.

Selain Frankel (1963), terdapat sebilangan sarjana yang menganggap dasar luar sebagai simbol tindakan nasional, walaupun tindakan sedemikian dibuat sebagai respons kepada fenomena yang berlaku di arena antarabangsa. Coplin (1980) adalah antara sarjana yang mendukung prinsip ini. Beliau menambah bahawa dasar luar adalah tindakan pemerintah dalam bertindak balas dengan keadaan di luar sempadan. Holsti (1992) bersetuju dengan kenyataan ini dan tampil dengan definisi lebih spesifik iaitu dasar luar adalah tindakan atau idea yang dibentuk oleh pembuat dasar (ahli politik atau pemerintah) mengenai apa yang harus dilakukan bagi menangani masalah antarabangsa. Lebih jelas lagi, Holsti (1992) menekankan bahawa dasar luar digubal bagi mengawal tindakan politik negara lain dan dilihat sebagai usaha untuk mencari jalan keluar bagi masalah antarabangsa yang timbul akibat kesan daripada interaksi antara negara-negara dunia.

Selain itu, Mas'ood (1990) memetik definisi daripada Lenche dan Samad (1963). Pada pandangan sarjana-sarjana ini, dasar luar sebenarnya merupakan suatu bentuk tindak balas dan refleksi kepada konteks tertentu sama ada dalam urusan politik antarabangsa atau domestik. Namun begitu, kajian lepas menegaskan bahawa dasar luar tidak hanya menekankan tindakan pemimpin politik atau inisiatif peribadi mereka sahaja tetapi turut bergantung kepada keadaan tertentu yang berlaku di negara lain (Lenche & Samad, 1963). Dengan kata lain, tindakan sesebuah negara dalam melaksanakan prinsip dasar luar ditentukan oleh sistem yang sedia ada antara negara-negara antarabangsa (Mas'ood, 1990). Malah, struktur sistem tersebut dan perubahan yang telah dibuat selama bertahun-tahun akan menentukan tingkah laku pelaku hubungan antarabangsa.

Wujudnya sistem sedemikian dianggap sebagai persekitaran dasar (*contextual policy environment*) yang menentukan hubungan negara-bangsa.

Dalam keadaan yang sama, [White \(1989\)](#) menawarkan definisi dasar luar yang lebih terperinci seperti berikut: Dasar luar merujuk kepada (i) aktiviti kerajaan atau (ii) kerajaan itu sendiri yang berusaha untuk membina hubungan baik antara negara melalui tindakan pelaku-pelaku politik (*policy actors*) di dalam sistem antarabangsa. Definisi ini dengan jelas menggambarkan dasar luar sebagai manifestasi 'hubungan persahabatan' antara negara-negara berdaulat yang berlandaskan undang-undang dan peraturan rentas sempadan tetapi sangat bergantung kepada tindakan pelaku politik.

2.2. Perkembangan Dasar Luar Malaysia (1957-2022)

Secara ringkas, bahagian ini memberi komen mengenai perkembangan dasar luar Malaysia dari tahun 1957 hingga 2022. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, dasar luar negara telah dibahagikan kepada beberapa fasa. Kajian ini cenderung untuk mengklasifikasikan fasa-fasa ini berdasarkan tempoh pentadbiran setiap Perdana Menteri Malaysia. Sebagai contoh, era Tunku Abdul Rahman (1957-1970); Tun Abdul Razak (1970-1976); Tun Hussein Onn (1976-1981); Tun Mahathir Mohamad (1981-2003); Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009), Datuk Seri Najib Razak (2009-2018), Tun Mahathir Mohamad (2018-2020), Tan Sri Muhyiddin Yassin (2020-2021), dan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (2021 hingga sekarang).

Sepanjang era Tunku Abdul Rahman (1957-1970), dasar luar di Tanah Melayu atau Malaya (sekarang Malaysia) mengutamakan hubungan diplomatik dengan negara-negara jiran kerana Tanah Melayu baru sahaja mencapai kemerdekaan. Pada masa itu, keadaan negara masih tidak stabil kerana ancaman komunis dan keupayaan ketenteraan adalah sangat minimum ([Omar, 2014](#)). Tambahan pula, masalah ketidakpercayaan dan prasangka yang berlaku dalam kalangan masyarakat telah memecahbelahkan penduduk Tanah Melayu. Keadaan ini menyukarkan pembentukan dasar awam negara dan Tunku dilihat lebih tertumpu kepada pendirian pro-Barat. Pada pandangan beliau, rakyat haruslah berpegang kepada ideologi demokrasi menurut Barat dalam menjamin kestabilan dan kemakmuran negara. Berbeza dengan apa yang dilalui oleh Perdana Menteri terkemudian, Tunku berusaha untuk mengekalkan Tanah Melayu sebagai sebuah negara dengan dasar pelbagai kaum (*multi-racial*). Justeru, tindakan lantang Tunku menyelar dan menentang isu 'Apartheid' dalam Persidangan Kommanwel menunjukkan peribadi Tunku yang sangat mengutamakan perpaduan antara pelbagai kaum.

Melihat sudut pandang yang lain, dasar luar di bawah pemerintahan Tunku telah mencetuskan konflik di rantau Asia Tenggara akibat reaksi terhadap usaha Tunku untuk membentuk Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia). Selepas pembentukan Malaysia, keadaan politik serantau juga menyaksikan beberapa peristiwa yang mencabar keupayaan diplomatik negara termasuklah konfrontasi Malaysia dengan Indonesia dan konflik dengan Filipina berkaitan dengan tuntutan mereka terhadap Sabah. Rentetan daripada peristiwa-peristiwa ini menjadikan Tunku lebih tegas untuk mempertahankan prinsip pro-Baratnya dalam mencari sokongan antarabangsa dan bantuan kewangan dari kuasa penjajah ([Saravanamuttu, 1972](#); [Idris, 1990](#)).

Tidak cukup dengan itu, Tunku berhadapan dengan konflik politik dengan jiran iaitu Singapura. Semasa berjuang dengan keadaan ekonomi yang rapuh dan jurang besar di

Tanah Melayu, Tunku juga perlu berdepan dengan Perdana Menteri Singapura pada masa itu iaitu Presiden Lee Kuan Yew yang mengutamakan kepentingan masyarakat Cina. Bertitik tolak daripada kejadian itu, pertembungan agenda politik antara Tunku dan Presiden Lee Kuan Yew telah mengakibatkan perselisihan hubungan antarabangsa yang akhirnya menyebabkan Singapura keluar daripada Persekutuan Tanah Melayu (Esa & Ationg, 2020). Dengan itu, selain daripada ancaman komunis, situasi pasca kemerdekaan, dan proses pembinaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara merdeka telah menyaksikan keputusan-keputusan Tunku bertindak balas dengan situasi-situasi mencabar di arena antarabangsa. Namun begitu, Tunku berjaya meletakkan batu asas yang membanggakan dan mengerakkan penggubalan dasar luar Malaysia yang menjadi rujukan sehingga ke hari ini. Dari sisi yang positif, tindakan dan reaksi pelaku dasar terutamanya pemimpin negara pada masa lepas menunjukkan konsep dasar luar pada era Tunku Abdul Rahman bersifat reaktif berbanding proaktif (Omar, 2014).

Seterusnya, tampuk kepemimpinan negara berubah apabila Tun Abdul Razak memilih untuk beralih tumpuan dari negara-negara pro-Barat ke arah yang lebih neutral, sederhana, dan pragmatik (Omar, 2014; Ridzuan, Huda, & Daud, 2021). Kepimpinan Tun Abdul Razak telah mempelopori usaha untuk menjadikan dasar luar Malaysia lebih berkecuali dengan melaksanakan dasar yang tidak berat sebelah dan menjalin hubungan diplomatik dengan semua negara kecuali dengan negara-negara tertentu tanpa membuat ideologi tersendiri seperti pada zaman Tunku. Dasar berkecuali tidak hanya diterapkan dalam politik dalaman tetapi juga diperluaskan di peringkat serantau iaitu dengan Malaysia menyertai Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Kemudian pada tahun 1971, negara-negara anggota ASEAN dan menteri-menteri luar dari Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina, dan Thailand menandatangani Deklarasi Zon Keamanan, Kebebasan dan berkecuali (ZOPFAN). Deklarasi ini mempromosikan keamanan dan kebebasan antarabangsa melalui undang-undang dan kerjasama serantau. Keputusan Tun Abdul Razak dalam menentukan dasar luar Malaysia pada waktu itu, dipengaruhi oleh kekacauan politik yang berlaku di negara-negara serantau dan antarabangsa. Sebagai contoh, pengaruh dan campur tangan kerajaan AS di Vietnam, pemilikan tenaga nuklear oleh kerajaan China, kemunculan Jepun sebagai hab perdagangan antarabangsa, dan kebangkitan negara-negara Timur Tengah/negara Islam memerlukan tindakan segera Tun Abdul Razak dalam menentukan arah dasar luar Malaysia yang semakin mencabar. Namun begitu, beliau berpegang teguh kepada prinsip bahawa Malaysia harus bebas dari cengkaman dan pengaruh dominan daripada negara-negara luar. Prinsip ini juga dapat dilihat melalui tindakan-tindakan beliau dalam mengamalkan konsep neutral dan sentiasa menjaga hubungan harmoni antara negara lain.

Sebagai bukti, sepanjang pemerintahan Tun Abdul Razak, Malaysia telah mengambil langkah berani dengan membina ketahanan sempadan wilayah yang membolehkan negara-negara ASEAN menjadi tidak terlalu bergantung kepada kuasa asing. Malah, Tun Abdul Razak juga mengambil jalan yang berbeza daripada Tunku dengan menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara pro-komunis seperti Rusia dan China. Pendirian Tun Razak dalam penggubalan dasar luar Malaysia adalah mencabar kerana walaupun Malaysia adalah negara yang agak kecil, kerajaan terpaksa menghadapi pelbagai tuntutan mendesak dalam dan luar negara.

Antara masalah dalaman termasuklah usaha-usaha untuk meningkatkan taraf hidup di Malaysia, menyediakan kemudahan asas dan perkhidmatan sosial yang diperlukan untuk Malaysia terus berdikari dan menjadi bangsa yang bertamadun. Sebaliknya pula, masalah luaran yang paling penting untuk diatasi adalah berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan negara. Sehubungan itu, Tun Abdul Razak memutuskan untuk membentuk perjanjian keselamatan (*security pacts*) bersama pihak Britain, Australia, dan New Zealand (Saravanamuttu, 1972). Sumbangan Tun Razak yang lain adalah peningkatan kerjasama dua hala dengan Singapura (Esa & Ationg, 2020), di mana pada masa itu, tidak timbul konflik antara dua negara jiran tersebut negara.

Melangkah kepada Perdana Menteri seterusnya iaitu Tun Hussein Onn, beliau tidak menunjukkan perubahan drastik kepada penentuan dasar luar Malaysia. Namun pastinya, dia berpegang teguh kepada dasar berkecuali yang merupakan kesinambungan daripada Perdana Menteri sebelumnya (Omar, 2014). Tun Hussein Onn juga dilihat lebih menumpukan perhatian kepada hubungan dengan negara-negara ASEAN berbanding negara-negara Barat. Melihat dari sisi pandang beliau, Tun Hussein Onn lebih mementingkan usaha dalam memperkukuhkan hubungan diplomasi yang sedia ada dengan negara jiran terutamanya Singapura, Thailand, dan Indonesia. Pemimpin-pemimpin dari negara-negara ini memuji Tun Hussein Onn atas usahanya dalam menjadikan ASEAN berfungsi sebagai pertubuhan yang mapan dan berjaya dalam mengeratkan hubungan baik sesama ahli anggotanya (Jaafar, 2007).

Tujuh tahun selepas rusuhan kaum di Tanah Melayu (pasca 1969), Tun Mahathir Mohamad menjadi pilihan yang mengejutkan sebagai pengganti Tun Hussein Onn (Saravanamuttu, 1972). Sejak itu, Tun Mahathir telah menjadi perdana menteri yang paling lama berkhidmat di Malaysia iaitu selama 22 tahun perkhidmatan. Semasa zaman beliau memerintah, dasar luar Malaysia dianggap lebih bebas, dinamik, dan bersifat pragmatik (Khalid, 2009). Tun Mahathir benar-benar tokoh yang mempunyai visi tersendiri dalam menjadikan Malaysia gah di mata dunia. Malah, kepimpinannya yang berwawasan menjadikan Malaysia diakui oleh dunia sebagai negara dengan transformasi ekonomi yang cemerlang (Saravanamuttu, 2008). Walaupun seringkali dilabel sebagai seorang Muslim liberal, Tun Mahathir terbukti sangat lantang terhadap penindasan kuasa dunia terhadap negara-negara Islam. Perkara ini dapat dilihat apabila Tun Mahathir adalah salah satu tokoh penting dalam Pertubuhan Kerjasama Islam - OIC yang ditubuhkan pada 1969 (Kementerian Luar Negeri Malaysia, 2019).

Tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia telah mendapat banyak manfaat daripada legasi Tun Mahathir dalam menjalin hubungan luar negeri yang lebih harmoni, di samping memperjuangkan hak, kepentingan, dan aspirasi negara-negara dunia ketiga (Khalid, 2009). Sikap tanpa kompromi dan keperibadiannya yang berani telah mempengaruhi orientasi dasar luar Malaysia. Bahkan, jika dilihat kepada pendekatan dasar beliau berbanding perdana menteri sebelumnya, Tun Mahathir dilihat telah membuka jalan diplomatik dengan negara-negara Asia Timur seperti Jepun dan Korea Selatan (Saravanamuttu, 2008; Khalid, 2009). Tindakan bijak ini telah mendorong pelbagai dasar luar yang digubal demi pembangunan ekonomi pesat di Malaysia.

Penganalisis politik turut menjelaskan bahawa strategi pertama Tun Mahathir dalam dasar luar adalah tidak tertumpu kepada fokus politik sahaja tetapi menumpukan kepada usaha mempercepatkan pertumbuhan ekonomi (Khalid, 2009; Zain, Abdullah, & Keling, 2019). Tidak cukup dengan itu, Tun Mahathir membuka langkah berani dengan memperluaskan hubungan luar negeri antara Malaysia dengan negara-negara Asia

Tengah seperti Kazakhstan dan Uzbekistan. Sebagai contoh, antara dasar-dasar luar yang berjaya menarik perhatian dunia adalah dasar *Buy British Last, Look East Policy, Anti-British/AntiCommonwealth*, Malaysia selaku pembela negara-negara dunia ketiga, dunia Islam, dan pengukuhan kerjasama antarabangsa dari Asia Timur ke Asia Tengah (Saravanamuttu, 2008; Khalid, 2009; Zain et al., 2019).

Ketika Tun Abdullah Ahmad Badawi kembali menjadi perdana menteri, beliau berjaya dengan caranya sendiri kerana keperibadian Tun Abdullah sama sekali berbeza dengan keperibadian Tun Mahathir. Perwatakannya yang lemah lembut dan gaya kepimpinan yang berhemah adalah kekuatannya dan malangnya adalah kelemahan Tun Abdullah juga (Khalid, 2009). Hal ini sedemikian kerana legasi dan pentadbiran cemerlang yang ditinggalkan oleh Tun Mahathir telah membimbangkan Tun Abdullah. Beliau tidak yakin adakah beliau mampu untuk penuhi piawai bagi keputusan dasar luar yang sangat kritikal pada masa itu. Sungguhpun begitu, Tun Abdullah berjaya memberi sumbangan khasnya terhadap dasar luar Malaysia dengan memperkenalkan konsep Islam bertamadun atau lebih dikenali sebagai Islam Hadhari. Dengan misi menuju keunggulan, kemuliaan, dan bertamadun, konsep ini telah diiktiraf secara rasminya oleh negara anggota OIC pada tahun 2005 (Hamid, 2009).

Kemudian pada tahun 2009, Datuk Seri Najib Razak menggantikan Tun Abdullah sebagai yang Perdana Menteri ke-enam di Malaysia. Semasa khidmat beliau, Datuk Seri Najib memperkasakan dasar-dasar luar negara dalam memenuhi aturan dunia yang semakin berubah. Antara dasar luar yang menonjol adalah berkaitan dengan hubungan dua hala yang dipulihkan antara Malaysia dengan Singapura dan China (Omar, 2014). Pendekatan Datuk Seri Najib dalam mengembangkan dasar luar Malaysia dianggap sebagai pendekatan berpandangan ke depan dan pragmatik (Shafee, 2015).

Malah, Datuk Seri Najib memberi penekanan kepada jalinan hubungan diplomasi dua hala antara negara lain seperti Jepun, China, Amerika Syarikat dan Singapura (Khalid, 2009). Negara-negara ini dianggap sebagai kuasa besar dalam ekonomi dunia yang mempengaruhi prestasi perdagangan Malaysia di arena antarabangsa. Menariknya bagi Datuk Seri Najib, pengukuhan hubungan diploma dengan negara China adalah penting kerana China adalah rakan dagang yang penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Dengan itu, beliau dilihat membawa kesinambungan usaha Tun Razak dalam menjalinkan hubungan 'persahabatan' dengan China dalam kerjasama menangani kemelesetan ekonomi global.

Namun begitu, tanpa diduga pada tahun 2018, untuk pertama kalinya (lebih daripada 60 tahun), kerajaan Malaysia dibentuk oleh gabungan politik yang baharu (Moniruzzaman & Farzana, 2018). Gabungan baru dinamakan sebagai Pakatan Harapan. Tun Mahathir Mohamad diumumkan sebagai perdana menteri buat kali kedua pada usia 92 tahun (Bernama, 2018). Lebih mengejutkan, selepas 22 bulan memegang pemerintahan Malaysia, Tun Mahathir secara tiba-tiba mengundurkan diri tetapi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai perdana menteri interim (sementara) sehingga terbentuknya pemerintahan yang baharu (Aziz, 2020). Sepanjang pentadbiran beliau kali ini, beberapa dasar luar telah dilaksanakan seperti kritikan lantang terhadap konflik Myanmar terhadap masyarakat Rohingya di Perhimpunan Agung PBB ke-73 (Bernama, 2020) dan mengeratkan hubungan dua hala dengan Vietnam, Singapura, dan China (Parameswaran, 2019).

Sehingga pada tahun 2020, Malaysia telah menyaksikan pergeseran politik yang paling luar biasa semenjak Tun Mahathir meletak jawatan dan menjadi perdana menteri interim. Dalam tempoh masa seminggu sahaja, rakyat Malaysia berteka-teki tentang siapa bakal menerajui tampuk pemerintahan Malaysia selepas Tun Mahathir. Ternyata, kali ini Tan Sri Muhyiddin Yassin berjaya mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelapan berdasarkan sokongan majoriti ahli parlimen (Jaipragas, 2020). Tidak seperti perdana menteri sebelumnya, Tan Sri Muhyiddin harus menguruskan cabaran yang berbeza sama sekali. Walaupun tidak diterima secara terbuka dalam kalangan masyarakat dan pemimpin politik Malaysia, Tan Sri Muhyiddin dilihat harus mendepani masalah yang jauh lebih besar iaitu penularan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19).

Pandemik ini telah mengejutkan dunia dalam keadaan yang paling buruk dalam sejarah. Dalam pada itu, usaha Tan Sri Muhyiddin untuk menguruskan dasar luar Malaysia harus dipuji. Beliau menekankan pendirian tegas bagi pertikaian dengan negara China mengenai isu persempadanan Laut China Selatan dan turut membatalkan beberapa kontrak untuk perkhidmatan 5G dari syarikat China (Narang, 2020). Tindakan ini mendorong penganalisis politik membuat kesimpulan bahawa kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Tan Sri Muhyiddin telah mengakhiri era dasar luar yang pro-China. Lebih jelas lagi, dasar luar sepanjang tempoh Tan Sri Muhyiddin berkhidmat, masih tertumpu mengenai kerjasama dua hala dengan AS dan beliau menyatakan kembali pendekatan pro-Barat.

Sekali lagi, rakyat Malaysia dikejutkan dengan pergelutan politik dalaman yang menyaksikan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilantik sebagai Perdana Menteri kesembilan (Bakar & Sulaiman, 2021). Kali ini, pendekatan yang diambil bersifat responsif iaitu dalam usaha pemulihan akibat penularan COVID-19. Malah, Datuk Seri Ismail Sabri perlu mengukuhkan ekonomi negara yang terjejas teruk sama ada di dalam atau luar negara. Antara tindakan beliau dalam memperkasakan dasar luar Malaysia, lawatan ke negara ASEAN dan Timur Tengah seperti Qatar, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan sebagainya telah membawa kejayaan dengan perjanjian dua hala berkaitan pemulihan ekonomi melalui pelaburan dan kolaborasi perdagangan antarabangsa (Bakar, 2022). Secara tuntasnya, tindakan Datuk Seri Ismail Sabri dalam merangka dasar luar Malaysia dianggap sebagai pendekatan yang pragmatik dan holistik. Malah, beliau adalah antara perdana menteri Malaysia yang pertama dalam membentuk hubungan diplomasi kesihatan antarabangsa iaitu melalui perkongsian ilmu, kepakaran, teknologi dan pengurusan bekalan vaksin di seluruh dunia.

Akhir kata, melihat perbezaan pendekatan keputusan luar negeri yang diambil oleh setiap perdana menteri, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keputusan mereka. Selain itu, sarjana lepas turut bersetuju bahawa tindakan membuat sesuatu keputusan dasar luar meliputi pelbagai faktor penyumbang seperti kepentingan peribadi, aspek personaliti pemimpin, jawatan rasmi, tekanan masyarakat, dan sebagainya (Dugis, 2007; Ozdemir & Serin, 2016; As, 2018). Dengan itu, lebih banyak kajian harus dilakukan bagi menggali dan mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada keputusan pemimpin dalam menentukan dasar luar untuk menyediakan Malaysia sebagai sebuah negara berdaya saing dan lebih aktif di arena antarabangsa.

3. Metod Kajian

Dengan menggunakan data sekunder, tinjauan sistematik dilakukan berdasarkan kajian lepas yang diekstrak daripada pangkalan data akademik dan diindeks oleh Google

Scholar dari tahun 1960 hingga 2022. Analisis tinjauan literatur yang di ekstrak dari pangkalan data terkemuka menggunakan kata kunci ini: Dasar luar negeri, keputusan dasar luar negeri, urusan antarabangsa, dan hubungan antarabangsa. Pemilihan artikel dasar luar tidak terhad kepada dasar luar Malaysia tetapi juga merangkumi dasar luar antarabangsa. Pencarian bahan terhad kepada sumber bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, diterbitkan dalam pangkalan data akademik dan diindeks dalam Google Scholar dari tahun 1960 hingga 2020.

4. Hasil Kajian

Dalam mengusahakan kekurangan definisi terperinci mengenai dasar luar, kajian ini telah menyusun senarai definisi yang boleh ditakrifkan sebagai rujukan utama. Oleh itu, definisi berikut adalah sintesis daripada kajian lepas berkaitan definisi ringkas dasar luar. Penyusunan definisi diringkaskan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Penyusunan Definisi bagi Dasar Luar

Pengarang	Definisi - Dasar Luar
Frankel (1963)	Keputusan dan tindakan pemerintah yang rasmi dan dokumen/ucapan yang tidak rasmi.
Hoffman (1968)	Dasar luar dalam bentuk termudah dianggap politik di pentas antarabangsa.
Rosenau (1984)	Tindakan berwibawa yang diambil oleh pemerintah atau komitmen mereka untuk memberi arahan tertentu sama ada untuk mengekalkan aspek persekitaran antarabangsa yang dikehendaki atau mengubah aspek yang tidak diingini.
Hermann (1990)	Program sama ada dari segi program berorientasikan matlamat (<i>goal-oriented</i>) atau berorientasikan masalah (<i>problem-oriented</i>), digubal oleh pembuat dasar dan ditujukan kepada entiti di luar bidang kuasa pemimpin tempatan.
As (2018)	Tindakan yang bertujuan memenuhi kepentingan nasional yang timbul daripada keputusan politik berdasarkan individu atau pertimbangan kumpulan.

Sumber: Frankel (1963), Carlsnaes (1980), Rosenau (1984), Hermann (1990) dan As (2018)

4.1. Definisi - Dasar Luar

Kebiasaannya, penyelidik lepas menetapkan definisi dasar luar secara terlalu sempit dan merangkumi beberapa pemboleh ubah yang terlalu khusus dalam memenuhi objektif kajian mereka (dalam kajian tertentu). Maka, kajian ini mengemukakan definisi dasar luar yang lebih terperinci seperti berikut:

- i. Definisi asas: Dasar luar ditafsirkan sebagai keputusan atau tindakan sesebuah negara ketika berurusan dengan dunia luar sama ada dari negara yang berdaulat, pemerintah atau badan bukan kerajaan (seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, NATO, ASEAN dan lain-lain).
- ii. Definisi terperinci: Dalam konteks dasar luar Malaysia, dasar luar adalah keputusan atau tindakan yang diambil oleh kerajaan Malaysia atau wakilnya

setiap kali mereka berurusan dengan negara atau organisasi antarabangsa dalam usaha memperkasakan aspirasi nasional dalam arena politik global.

4.2. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keputusan Dasar Luar

Beberapa tema muncul daripada pencarian literatur dalam menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan dasar luar. Tema-tema tersebut kemudian dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu individu, peranan, kerajaan/pemerintah, masyarakat, dan sistem (lihat Jadual 2).

Jadual 2: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keputusan Dasar Luar Negeri

Faktor	Penerangan
Individu	Keperibadian pemimpin sesebuah negara
Peranan/Jawatan Kerajaan	Tingkah laku pegawai yang terlibat dalam memproses dasar luar Struktur yang menghadkan atau mengembangkan alternatif dasar luar
Masyarakat Sistem/Luaran	Aspek bukan kerajaan: Individu atau kumpulan yang berpengaruh Persekitaran luar negara

Sumber: [Rosenau \(1966\)](#)

4.2.1. Individu

Berbanding faktor-faktor lain, ahli psikologi dan saintis politik sering berdebat tentang bagaimana ideologi individu dapat membentuk sikap antarabangsa dan mempengaruhi pilihan dasar luar ([Gries & Yam, 2020](#)). Pada dasarnya, faktor individu berkait rapat dengan pandangan peribadi tentang kehidupan, kepercayaan, dan sikap individu itu sendiri yang menentukan keputusan dasar luar. Faktor-faktor ini juga merujuk kepada persepsi, gambaran dan watak peribadi individu yang menentukan dasar luar keputusan sesebuah negara. Keperibadian individu, yang biasanya adalah pembuat dasar berkemungkinan untuk mempertimbangkan salah satu daripada alternatif berikut: ketenangan atau urgensi, kemarahan atau berhati-hati, pragmatisme atau ideologi (pemusnahan), keunggulan atau kebelakang, kreativiti atau kehancuran, rasa takut atau keyakinan diri yang berlebihan antara lain dalam membuat keputusan melibatkan dasar luar sesebuah negara ([Jaafar, 2007](#)).

Pada pandangan lain, faktor individu juga merangkumi pengalaman, nilai, kecenderungan politik dan kepemimpinan masa lalu yang mencipta keunikan dan terbukti mampu meningkatkan kualiti yang baik dalam penentuan keputusan dasar luar. Bahkan, tidak dapat dinafikan bahawa tingkah laku dan prioriti pemimpin nasional, termasuklah kecenderungan politik mempunyai pengaruh tertentu terhadap kebergantungan kepada kesan politik dan dasar luar. Walau bagaimanapun, sumber spesifik yang mempengaruhi seseorang pemimpin adalah sangat sukar untuk diukur ([Rosenau, 1966](#)). Sebagai contoh, terdapat beberapa elemen yang sejarah telah membuktikan telah mempengaruhi keputusan dasar luar pemimpin masa lalu seperti status perkahwinan mereka (Hitler - Jerman), jenis dan kualiti pendidikan (Mandela - Afrika), latar belakang keluarga (Bush - US), latar belakang sosial (Obama - AS), pengaruh atau kuasa pemerintah (Tunku - Malaysia), dan kedudukan kewangan (Trump - AS).

4.2.2. Peranan / Jawatan

Faktor peranan biasanya ditakrifkan sebagai deskripsi pekerjaan atau peraturan tingkah laku yang diharapkan pada seseorang apabila memegang jawatan tertentu. Antara peranan atau kedudukan jawatan adalah Perdana Menteri, Menteri Kabinet, Pegawai Kanan, Wakil Kongres/Senator, wartawan, pendidik, kesatuan sekerja, dan pihak pembangkang. Kumpulan orang ini dianggap sebagai golongan elit yang mempengaruhi, menggubal, dan melaksanakan dasar luar (Efimova & Strebkov, 2020). Pegawai-pegawai ini juga dilihat menggalas satu tanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu, yang seterusnya membentuk interaksi sesama mereka. Faktor-faktor ini (peranan) tidak bergantung kepada profil psikologi seseorang semasa dia memegang jawatan tertentu.

Malah, faktor peranan juga lebih sesuai untuk digunakan dalam menerangkan aspek pragmatik dan taktik keputusan dalam masyarakat demokratik yang kompetitif. Perkara ini telah terbukti apabila keputusan pragmatik memerlukan lebih banyak masa dan input dalam proses membuat keputusan (Omar, 2014). Tidak seperti krisis keputusan, pemimpin harus bertindak secara impulsif tetapi dengan lebih berhati-hati. Sebagai contoh, bagi situasi pandemik, krisis kewangan, dan malapetaka tidak ramai pihak akan terlibat dalam keputusan dasar luar berbanding keadaan yang stabil dan tenang (Gries & Yam, 2020).

4.2.3. Kerajaan

Faktor pemerintah merujuk kepada bentuk institusi pemerintahan (autoritarian vs. demokratik), pengagihan pengaruh antara institusi, prosedur pemilihan dan merekrut kakitangan kerajaan, kepentingan yang diwakili oleh institusi tersebut, dan sejauh mana yang mana institusi ini terbuka kepada pengaruh masyarakat (Efimova & Strebkov, 2020). Dengan kata lain, faktor ini menjelaskan tentang struktur dan proses pemerintahan serta kesannya terhadap dasar luar yang tertentu. Faktor-faktor ini merangkumi struktur organisasi pemerintah, proses membuat keputusan pada pelbagai tahap kitaran dasar (*policy cycle*), teknik untuk melaksanakan keputusan politik, dan sikap pegawai yang terlibat dengan dasar luar, serta kesejahteraan awam dan negara.

Untuk menggambarkan contoh bagaimana pemerintah membentuk keputusan dasar luar, kajian ini mengemukakan perkaitan antara pemerintah Korea Utara dan Malaysia. Dasar luar di Korea Utara boleh dikatakan sebagai sistem tertutup dan proses membuat keputusan lebih mudah dan cepat berbanding penggubalan dasar luar di Malaysia (As, 2018). Perbahasan parlimen di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, bersama-sama pelbagai input daripada badan-badan kerajaan atau bukan kerajaan menjadikan Malaysia memerlukan masa yang lebih lama untuk dasar luar Malaysia untuk diluluskan.

4.2.4. Masyarakat

Faktor komuniti atau masyarakat adalah berkait dengan karakter dan elemen kebangsaan sesebuah negara (Dugis, 2007). Faktor-faktor ini merangkumi pemboleh ubah kontekstual seperti kawasan negara, jenis wilayah, lokasi geografi, iklim dan sumber semula jadi sesebuah negara. Hopkins dan Mansbach (1973) menegaskan bahawa faktor sosial juga merangkumi aspek bukan kerajaan dalam masyarakat seperti budaya politik, keupayaan ekonomi, keutuhan sosial, dan nilai asas (*basic values*). Dalam pandangan yang berbeza, Barkdull dan Harris (2002) mencadangkan bahawa faktor sosial yang mempengaruhi dasar luar adalah berdasarkan politik dalaman di negara itu

sendiri dengan budaya tempatannya. Secara khusus, faktor ini juga turut menggariskan tentang populasi penduduk, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), serta ekonomi, politik, dan sistem sosial negara.

Oleh itu, melihat kepada KDNK Malaysia sebagai rujukan, pemimpin politik di Malaysia beralih kepada negara maju seperti AS, Jepun, dan negara Eropah (antara lain) untuk kerjasama antarabangsa dengan tujuan meningkatkan prestasi ekonomi negara. Contoh lain yang boleh diberi juga adalah berkaitan dengan iklim dan sumber semula jadi di Malaysia. Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara tropika, pemerintah harus mencari keadaan atau solusi kenegaraan yang hampir serupa jika melibatkan isu cuaca dan bencana alam. Kerap kali, Malaysia akan bekerjasama dan berunding dengan kerajaan Thailand dan Australia bagi tujuan tersebut.

4.2.5. Sistem / Luaran

Sekiranya faktor sosial mempunyai perkaitan dengan unsur nasional sesebuah negara, faktor sistem atau juga dikenali dengan faktor luaran adalah sebaliknya. Sistem ini merujuk kepada pemboleh ubah luaran suatu negara dan merangkumi dasar dan tindakan negara lain yang akan merangsang politik sesebuah negara untuk bertindak balas (Coulombis & Wolfe, 1990; Dugis, 2007; Siniver & Featherstone, 2020). Sebagai contoh, sistem bipolar sejak Perang Dingin memaksa sesebuah negara untuk memilih pihak tertentu dan terpaksa bekerjasama dengan negara-negara tersebut semasa era Perang Dingin. Selain itu, wujud juga sistem berbilang pihak (*multi-polar system*) yang menggerakkan kemunculan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM). Pergerakan ini (NAM) adalah sekumpulan negara yang enggan bergaul dengan politik dan tentera blok Barat dan juga blok Timur (Jaafar, 2007).

Gerakan ini dimulakan dengan peristiwa Persidangan Asia-Afrika pada tahun 1955 dan NAM mengisytiharkan dirinya sebagai kekuatan ketiga dalam sistem politik dunia. Oleh kerana dua sistem ini (selepas Perang dingin yang memecah belahkan dunia dan negara-negara NAM yang tidak memihak kepada mana-mana negara) telah mengubah keseluruhan sistem antarabangsa dan mempengaruhi dasar luar sesebuah negara juga (Jaafar, 2007). Menurut Gries dan Yam (2020), faktor ini (sistem) merupakan faktor utama yang mengaitkan hubungan antarabangsa, di mana hubungan ini diterjemahkan sebagai dasar luar di seluruh dunia.

Contoh yang baik untuk menjelaskan idea ini dapat diperhatikan melalui isu COVID-19. Dasar negara China yang mula-mula sekali mengadakan sekatan pergerakan (di Wuhan, China) memberi tekanan dan menjadi rujukan kepada negara lain untuk bertindak balas. Negara-negara lain mempunyai pilihan sama ada untuk meniru atau bertindak secara bertentangan dengan tindakan China. Maka, tindakan negara lain dalam situasi ini adalah disebabkan oleh faktor sistem. Ilustrasi lain yang ditawarkan oleh Gries dan Yam (2020) adalah bagaimana kekuatan ketenteraan di sesebuah negara boleh menyebabkan perang dunia yang memprovokasi negara lain untuk bertindak.

5. Kesimpulan

Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh sarjana lepas untuk menjelaskan definisi terperinci tentang dasar luar, masih banyak yang perlu dilakukan untuk memahami asas-asas penting yang terangkum dalam penentuan kerangka dasar luar. Malah, cabaran demi cabaran terus menimpa kerajaan yang memerlukan solusi segera untuk menggubal

dasar luar dan bertindak balas kepada isu antarabangsa dengan kerjasama yang harmoni.

Definisi dasar luar biasanya menumpukan kepada hubungan antarabangsa dan peranan pemimpin dalam melaksanakan dasar luar tertentu. Walau bagaimanapun, perhatian harus diberikan kepada kepentingan elemen kontekstual seperti fungsi pelaku dasar berdasarkan peranannya atau jawatan, dan sikap peribadinya yang mempengaruhi keputusan pemerintah merancang dasar luar Malaysia. Secara keseluruhan, implikasi dari aspek bukan kerajaan dan budaya politik melalui masyarakat dan sistem adalah sama penting untuk merangka dasar luar negara yang berkesan. Selain itu, pihak kerajaan dinasihatkan agar menyesuaikan diri dan bertindak balas dengan sewajarnya terhadap perubahan politik dunia yang semakin mencabar dengan tindakan diplomasi yang adil dan berteraskan kepentingan nasional berbanding kepentingan peribadi.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada penilai-penilai yang telah memberikan input-input berharga dalam penerbitan ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang bentuk tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- As, B. (2018). The study of foreign policy in international relations. *Journal of Political Sciences & Public Affairs*, 6(4), 1-9. <https://doi.org/10.4172/2332-0761.1000337>.
- Aziz, A. (2020, Februari). PMO confirms Dr M's resignation. *The Edge Markets*. <https://www.theedgemarkets.com/article/dr-m-said-resignpmo-issue-statement>.
- Azlan, A. A., Ismail, M. F., & Mokhtar, N. M. (2022). Autoritarianisme perbandingan: China dan Malaysia dalam politik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 1-15. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1346>.
- Bakar, J. M. A. (2022, Mac 30). Hubungan Malaysia-Qatar diperkukuh. *Utusan*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/hubungan-malaysia-qatar-diperkukuh/>.
- Bakar, J. M. A., & Sulaiman, M. F. M. (2021, Ogos 20). Ismail Sabri dilantik PM kesembilan. *Utusan*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/sah-ismail-sabri-pm-baharu/>.
- Barkdull, J., & Harris, P. G. (2002). Environmental change and foreign policy: A survey of theory. *Global Environmental Politics*, (2)2, 63-91. <https://doi.org/10.1162/15263800260047835>.
- Bernama. (2018, Mei 1). Mahathir returns, sworn in as 7th PM. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/424173>.

- Bernama. (2020, Februari 24). Mahathir's surprises as PM4, PM7 and PM7+. *Free Malaysia Today*.
<https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/02/24/mahathirs-surprisesas-pm4-pm7-and-pm8/>.
- Caporaso, J. A., Hermann, C. F., Kegley, C. W., Rosenau, J. N., & Zinnes, D. A. (1986). *The comparative study of foreign policy: Perspectives on the future*. Annual Meeting of the International Studies Association (25-29 March 1986).
<https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED271365.pdf>.
- Carlsnaes, W. (1980). The concept of foreign policy actions in comparative analysis. *Cooperation and Conflict*, 15(1), 3-20.
<https://doi.org/10.1177/001083678001500102>.
- Coplin, W. D. (1980). *International Politics: An Introduction*. New Jersey: Prentice Hall.
- Couloumbis, T. A., & Wolfe, J. H. (1990). *Pengantar Hubungan Internasional: Keadilan dan Power*. Bandung, Indonesia: Abardin.
- Dugis, V. (2007). Analysing Foreign Policy. *Masyarakat, Kebudayaan dan Politik*, 20(2), 113-124.
- Efimova, A., & Strebkov, D. (2020). Linking public opinion and foreign policy in Russia. *The International Spectator*, 55(1), 93-111.
<https://doi.org/10.1080/03932729.2019.1700040>.
- Erdogan, A., & Habash, L. (2020). US policy toward the Israeli-Palestinian conflict under the Trump administration: Continuity or change?. *Insight Turkey*, 22(1), 125-146.
<https://doi.org/10.25253/99.2020221.09>.
- Esa, M. S., & Ationg, R. (2020). Menyingkap peristiwa penyingkiran Singapura dari Malaysia (1963-1965). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 217-229. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.589>.
- Esa, M. S., Ibrahim, M. A., Muis, A. M. R. A., & Ationg, R. A. (2020). Menyingkap polemik peralihan kuasa secara luar biasa mengikut perspektif demokrasi berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 43-53.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.552>.
- Frankel, J. (1963). *The making of foreign policy*. London, UK: Oxford University Press.
- Gries, P., & Yam, P. P. C. (2020). Ideology and international relations. *Current Opinion in Behavioral Sciences*, 34, 135-141. <https://doi.org/10.1016/j.cobeha.2020.03.006>.
- Gusau, A. S., Abdulkadir, S., & Musa, M. B. (2020). Traditional governance system and the control of insurgency in Bade Emirate, Yobe State. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Works*, 2(4), 17-28.
<https://doi.org/10.35631/IJPPSW.24002>.
- Haesebrouck, T., & Joly, J. (2020). Foreign policy change: From policy adjustments to fundamental reorientations. *Political Studies Review*, 1-10.
<https://doi.org/10.1177/1478929920918783>.
- Hamid, A. F. A. (2009). *The new challenges of political Islam in Malaysia*. Dalam Asia Research Centre Conference on 'New Modes of Governance and Security Challenges in the Asia-Pacific', Murdoch University, Perth.
<https://www.academia.edu/331967/>.
- Hermann, C. F. (1990). Changing course: when governments choose to redirect foreign policy. *International Studies Quarterly*, 34(1), 3-21. <https://doi.org/doi:10.2307/2600403>.
- Hoffmann, S. (1968). *Gulliver's Troubles: Or the Setting of American Foreign Policy*. New York: McGraw-Hill.
- Holsti, K. J. (1992). *Politik Antarabangsa: Satu Rangka Kerja Analisis* (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hopkins, R. F., & Mansback, R. W. (1973). *Structure and Process in International Politics*. New York: Harper & Row.
- Idris, N. A. (1990). Peranan dan pengaruh Tunku Abdul Rahman dalam sejarah dasar luar negara: Tahun-tahun awalan 1957-1962. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 18, 229-261.
- Jaafar, F. (2007). *Perdana menteri dan dasar luar Malaysia 1957-2005*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jaafar, F. & Rahman, N. A. (2020). Exploring the fundamentals of foreign policy in Malaysia: Definitions, premiership and foreign policy decisions. *International Journal of Politics, Publics Policy and Social Works*, 2(6), 1-15. <https://doi.org/10.35631/IJPPSW.26001>.
- Jaipragas, B. (2020, March 1). How Malaysia got its eighth Prime Minister Muhyiddin Yassin. *South China Morning Post*. <https://www.scmp.com/week-asia/politics/article/3053062/how-malaysia-got-itseighth-prime-minister-muhyiddin-yassin>.
- Kattan, V. (2020). Israeli settlements, US foreign policy, and international law. *Insight Turkey*, 22(1), 47-57. <https://doi.org/10.25253/99.2020221.04>.
- Kementerian Luar Negeri Malaysia. (2019). *Foreign policy framework of the new Malaysia: Change in continuity*. Department of Information Malaysia. <https://www.kln.gov.my/foreign-policyframework/files/assets/common/downloads/Foreign%20Policy%20Framework.pdf>.
- Khalid, K. M. (2009). *Malaysian foreign policy orientation and relations in the Post-Mahathir years* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya). http://eprints.um.edu.my/10906/1/11_Malaysian_Foreign_Policy_Orientation_and_Relations_in_the_Post-Mahathir_Years.pdf.
- Lacatus, C., & Meibauer, G. (2020). Introduction to the special issue: Elections, rhetoric and American foreign policy in the age of Donald Trump. *Politics*, 1-12. <https://doi.org/10.1177/0263395720935376>.
- Lenche, C. O., & Samad, A. A. (1963). *Concept of international politics*. London: Princeton Hall Inc. Englewood Chiffs.
- Martin, G., & Sinkkonen, V. (2022). Past as prologue? The United States and European strategic autonomy in the Biden era. *European Foreign Affairs Review*, 27(Special), 99-120.
- Mas'ood, M. (1990). *Ilmu Hubungan Internasional-Disiplin dan Metodologi*. Jakarta: LP3ES Publisher.
- Moniruzzaman, M., & Farzana, K. F. (2018). Malaysia' 14th general election: End of an epoch, and beginning of a new? *Intellectual Discourse*, 26(1), 207-228.
- Narang, A. (2020, Ogos 1). With Muhyiddin Yassin at the helm of affairs in Malaysia, China has a new enemy in Southeast Asia. *TFI Post*. <https://tfipost.com/2020/08/with-muhyiddin-yassin-at-the-helm-of-affairs-in-malaysia-china-has-a-new-enemy-in-southeast-asia/>.
- Omar, R. (2014). *An analysis of the underlying factors that affected Malaysia-Singapore relations during the Mahathir era: Discords and continuity* (Doctoral dissertation, University of Adelaide). <https://digital.library.adelaide.edu.au/dspace/bitstream/2440/86749/8/02whole.pdf>.
- Ozdemir, E., & Serin, Z. V. (2016). Trading state and reflections of foreign policy: Evidence from Turkish foreign policy. *Procedia Economics and Finance*, 38, 468-475. [https://doi.org/10.1016/S2212-5671\(16\)30218-0](https://doi.org/10.1016/S2212-5671(16)30218-0).

- Parameswaran, P. (2019, Mei). Malaysia's new foreign policy framework: Between change and continuity. *The Diplomat*. <https://thediplomat.com/2019/05/malaysias-new-foreign-policy-framework-betweenchange-and-continuity/>.
- Ridzuan, M. I. M., Huda, M. I. M., & Daud, S. (2021). Hubungan normalisasi Malaysia dengan China: Hujahan realisme neoklasik dalam menganalisis keputusan Tun Abdul Razak. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 48(1), 123-150.
- Rosenau, J. N. (1966). *Pre-theories and theories of foreign policy*. Dalam Farrell, R. B. (Ed.). *Approaches to comparative and international politics*. Evanston, USA: Northwestern University Press.
- Rosenau, J. N. (1984). A pre-theory revisited: World politics in an era of cascading interdependence. *International Studies Quarterly*, 28(3), 245-305. <https://doi.org/10.2307/2600632>.
- Saravanamuttu, J. (1972). *A study of the content, sources, and development of Malaysian Foreign Policy 1957-1975*. (Doctoral dissertation, University of British Columbia). <https://open.library.ubc.ca/collections/831/831/items/1.0093814>.
- Saravanamuttu, J. (2008). Malaysia's foreign policy in the Mahathir period, 1981-1995: An iconoclast come to rule. *Asian Journal of Political Science*, 4(1), 1-16. <https://doi.org/10.1080/02185379608434069>.
- Selamat, A. (2022). Antara kepentingan nasional dan komitmen antarabangsa: Pengalaman Malaysia mengurus pelarian Vietnam dari tahun 1975 hingga 1990-an. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 49(1), 161-188.
- Shafee, M. S. (2015). *Malaysia's foreign policy*. <https://www.slideshare.net/muhammadsyukhrishafee/malaysias-foreign-policy>.
- Siniver, A., & Featherstone, C. (2020). Low-conceptual complexity and Trump's foreign policy. *Global Affairs*, 6(1), 71-85. <https://doi.org/10.1080/23340460.2020.1734953>.
- White, B. (1989). *Analysing foreign policy: Problems and approaches*. Dalam Michael Clarke and Brian White, *Understanding Foreign Policy, The Foreign Policy Systems Approach*, England: Edward Elgar Publishing Limited.
- Zain, R. M., Abdullah, M. K., & Keling, M. F. (2019). Evolusi dasar pertahanan Malaysia dalam era Tun Mahathir Mohamad 1981-2003. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 13-24. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.417002>.
- Zainol, N. A. M., Jusop, A. Z., Ridzuan, A. A., & Kamaruddin, S. (2019). Managing Malaysian border: The challenges and prospects in maintaining security. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Works*, 1(3), 1-13. <https://doi.org/10.35631/ijppsw.13001>.